



## Angsana terus jadi tarikan utama

**ANGSANA** Johor Bahru Mall dulunya dikenali sebagai Plaza Angsana, dan beroperasi sejak 16 Oktober 1997, merupakan sebuah pusat membeli belah setempat milik penuh UDA Holdings Berhad dan diuruskan oleh UDA Angsana Sdn. Bhd.,

Pada tahun 2014, Angsana Johor Bahru Mall bakal menyambut ulang tahun yang ke-17. Dengan usianya yang telah meningkat, pelbagai usaha dan inisiatif baharu dilakukan bagi menjadikan kompleks ini terus dikunjungi oleh pengunjung.

Dengan kedudukannya strategik terletak di tengah kepesatan Pusat Bandar Tampoi yang sedang berkembang, jaraknya hanya kira-kira lapan kilometer atau 10 minit memandu dari Bandaraya Johor Bahru.

Selain itu, lokasinya yang terletak di laluan utama yang mudah diakses yakni terletak bersebelahan Lebu Raya Johor Bahru-Senai, turut boleh dilalui menggunakan Lebu Raya Laluan Kedua ke Singapura (*Second Link*) serta Lebu Raya Pasir

Gudang.

Setelah menjengah usia 17 tahun kewujudannya, terdapat beberapa perubahan telah dilaksanakan di Angsana Johor Bahru Mall antaranya adalah penjenamaan semula logo serta pertukaran nama daripada Plaza Angsana kepada Angsana Johor Bahru.

Di samping itu, pembaharuan *façade* bangunan juga dititikberatkan dengan memodenkan imej luaran kepada imej lebih moden selari dengan peredaran masa. Perkhidmatan tandas juga dipertingkatkan dengan memperbaharuiinya di setiap tingkat menjadi lebih bersih dan selesa.

Elemen kerohanian turut dipertingkatkan dengan membesar dan mengubah suai pelbagai fasiliti bagi memberikan kemudahan dan keselesaan kepada umat Islam menunaikan solat ketika berkunjung ke kompleks ini.

Dengan kepelbagaian premis perniagaan beroperasi daripada makanan pelbagai cita rasa

selain beberapa butik berjenama tempatan serta antarabangsa turut terdapat di sini bagi memenuhi keperluan para pengunjung yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur dan latar belakang bangsa.

Angsana Johor Bahru Mall juga telah menyediakan ruangan *Sidewalk Café* yang terletak di Pintu Masuk Utama, Aras 2 bagi memberi ruang kepada pengunjung untuk menikmati hidangan sambil bersantai ataupun sebagai pusat pertemuan bersama rakan-rakan dan seumpamanya.

Pengunjung-pengunjung juga boleh menikmati pelbagai hidangan di medan selera Angsana Johor Bahru Mall yang baharu sahaja diubah suai dengan konsep lebih ceria dan kemudahan kapasiti tempat duduk yang lebih banyak berbanding sebelumnya.

Barisan menu makanan tradisi Johor antaranya Mee Rebus Hj. Wahid, Asma Rojak Larkin, Kacang Pool Hj. Makpol dan pelbagai lagi termasuk asam pedas turut boleh didapati di sini.

Kompleks membeli belah ini turut menempatkan *IT HUB* di aras 4 yang menempatkan pelbagai jenis rangkaian telekomunikasi, komputer dan seumpamanya. Tidak ketinggalan, para peniaga Industri Kecil Sederhana (IKS) turut ditempatkan di aras ini bagi menyokong hasrat pihak kerajaan untuk menggalakkan lagi penglibatan usahawan Bumiputera dalam dunia perniagaan.

Untuk peniaga-peniaga yang baharu berjinjak dalam dunia perniagaan, disediakan lot-lot perniagaan di Aras 5, selain turut menempatkan ruang hiburan kepada pengunjung seperti pusat bowling, *snooker* dan pusat karaoke.

Sehingga kini Angsana Johor Bahru Mall menjadi antara pusat beli belah pilihan para peniaga dan usahawan menjalankan perniagaan mereka dan terbukti dengan kadar atau status lot sewaan di Angsana Johor Bahru Mall ketika ini mencecah 99 peratus sejak tahun 2002 hingga kini.